

JOHOR BAHRU: Taktik digunakan cukup mudah. Kesan pelanggan yang mengeluarkan wang dari bank dalam jumlah banyak, gunakan selipar berpaku untuk memancing tayar kereta sasaran sebelum menunggu di kawasan berhampiran dan cuba melarikan wang itu apabila mangsa berhenti memeriksa kenderaan.

Bagaimanapun, tindakan seorang lelaki berasal dari Lempuing, Indonesia, bukan saja gagal menyamun seorang lelaki yang baru mengeluarkan RM35,000 dari sebuah bank di Taman Pelangi di sini apabila selipar dan paku itu tidak sempat berfungsi, malah dia dicekup di depan sebuah hotel di Jalan Abdullah Tahir.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata dalam kejadian kira-kira jam 3.30 petang Jumaat lalu, seorang pelanggan bank di Taman Pelangi di sini, mengeluarkan wang RM35,000 sebelum dia dan rakan beredar pulang ke premis perniagaan di Jalan Abdullah Tahir.

Beliau berkata, ketika berhenti untuk membuat pusingan U berhampiran Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Jo-

Selipar berpaku

H.M 25/06/09 MK20

Taktik penyamun pancit tayar kereta sebelum kebas wang

hor Bahru (MBJB), mereka dihampiri seorang lelaki yang menunggang motosikal dalam keadaan mencurigakan.

“Penunggang motosikal itu dilihat melakukan sesuatu di bahagian kiri belakang kereta dinaiki dua lelaki terbabit sebelum beredar dan akibat curiga, rakan pengadu keluar dari kereta dan membuat pemeriksaan sebelum mendapati selipar berpaku diletakkan di bawah tayar kereta berkenaan.

“Rakan lelaki itu mengambil selipar berkenaan manakala mangsa terus menghubungi talian hotline Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan (JBS) di talian 07-2212899 mendapatkan bantuan.

“Bertindak hasil maklumat itu, Task Force Ragut JBS berjaya mengesan dan menangkap seorang lelaki berasal dari Lempuing, Indonesia berusia 28 tahun di depan sebuah hotel di Jalan Abdullah Tahir, yang dipercayai sedang menunggu kereta mangsa mengalami masalah tayar pancit,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan pasukan Task Force Ragut di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini, semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 393 Kanun Keseksan kerana cuba melakukan samun dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara tujuh tahun dan denda.